

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	16/01/2018

Presiden, Singapura, semalam.

Marina One, DUO bukti hubungan erat

BH-16/1/2018 Pg. 2

→ Dua projek ikonik untungkan kedua-dua negara



Junita Mat Rasid
Junita@bh.com.my

✦ Singapura

Hubungan erat Malaysia dan Singapura, diraikan lagi menerusi kejayaan menyiapkan dua projek pembangunan ikonik secara bersama iaitu Marina One dan DUO.

Projek bersepadu Marina One dan DUO, dimiliki bersama sayap pelaburan strategik Malaysia, Khazanah Nasional Bhd dan syarikat

pelaburan Singapura, Temasek Holdings Pte Ltd (Temasek).

Projek pembangunan itu dirasmikan oleh Perdana Menteri kedua-dua negara, Datuk Seri Mohd Najib Razak dan Lee Hsien Loong, di sini semalam.

Kejayaan menyiapkan serta perasmian Marina One dan DUO dengan nilai pembangunan kasarnya berjumlah S\$11 bilion (lebih RM32 bilion) adalah hasil daripada kerjasama erat antara Malaysia dan Singapura yang mempunyai hubungan dua hala yang kukuh.

Kedua-dua projek ikonik itu adalah hasil daripada pelaksanaan Perkara-perkara yang Dipersetujui (POA) mengenai tanah-tanah Keretapi Tanah Melayu pada 2011, dijangka membawa manfaat yang nyata dan saling menguntungkan kedua-dua negara.

Marina One dan DUO turut melambangkan kerjasama rapat an-

tara Khazanah dan Temasek yang menyaksikan komitmen dan keupayaan kedua-dua entiti terbabit untuk menyiapkan dua projek besar yang ikonik yang memanfaatkan kedua-dua negara.

Pegang kepentingan 60:40

Marina One and DUO yang terletak di Marina South dan Ophir-Rochor dibangunkan oleh M+S Pte Ltd ('M+S'), yang mana Khazanah dan Temasek masing-masing memegang kepentingan 60:40 dalam syarikat terbabit.

Di samping itu, Khazanah dan Temasek turut terbabit dalam pembangunan bersama di Iskandar Malaysia, melalui Pulau Indah Ventures Sdn Bhd, iaitu usahasama 50:50 untuk membangunkan projek Afiniti Medini dan pusat kesihatan bersepadu Avira.

Pengarah Urusan Khazanah, Tan Sri Azman Mokhtar, berkata kejayaan menyiapkan projek pem-

angunan bersama yang bertaraf dunia oleh Khazanah dan Temasek itu membuktikan bahawa kedua-dua negara mampu mencapai kejayaan melalui kerjasama dan perkongsian yang erat serta memanfaatkan kekuatan masing-masing.

Bukti kekuatan bersama

"Ia membuktikan kekuatan bersama serta nilai kompetitif Iskandar Malaysia dan Singapura," katanya.

Perdana Menteri tiba di sini petang semalam, bagi menghadiri Sesi Pemukiman Pemimpin Malaysia-Singapura Kelapan selama dua hari sehingga hari ini.

Ketibaan Najib bersama isteri, Datin Seri Rosmah Mansor disambut Menteri Pendidikan Singapura merangkap Menteri Kedua Pengangkutan, Ng Chee Meng.

Anggota delegasi Malaysia termasuk Menteri Besar Johor, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin;

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan; Menteri Pendidikan; Datuk Seri Mahdzir Khalid dan Menteri Luar, Datuk Seri Anifah Aman.

Sejurus tiba, Najib melakukan kunjungan hormat ke atas Presiden Singapura, Halimah Yacob.

Malam tadi, Perdana Menteri menghadiri majlis makan malam yang dihoskan Hsien Loong dan isteri, Ho Ching.

Kali ini, sesi pemukiman dimulakan dengan pertemuan empat mata di antara kedua-dua pemimpin, disusuli mesyuarat delegasi yang akan diadakan di Istana.

Pemeteraian kedua-dua dokumen perjanjian dua hala berkaitan projek Sistem Transit Rapid (RTS) dan memorandum persefahaman (MOU) berkaitan kerjasama pendidikan, dijangka berlangsung selepas mesyuarat delegasi.